



SOALAN LAZIM BERKAITAN PROGRAM BANTUAN PEMBAYARAN BALIK BERSASAR
DIPERTINGKATKAN UNTUK KATEGORI B40 DAN M40

Dikemaskini setakat 05 Mac 2021

NO	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah Program Bantuan Pembayaran Balik Bersasar Dipertingkatkan Untuk Kategori B40 dan M40?	Sejajar dengan pengumuman kerajaan menerusi Belanjanan 2021 dan Bank Negara Malaysia (BNM), program ini diperkenalkan bagi membantu pelanggan-pelanggan Untuk Kategori B40 dan M40 yang terkesan akibat pandemik COVID-19.
2	Siapakah yang layak untuk memohon program ini?	<p>Kategori B40 ;</p> <ul style="list-style-type: none">I. Pelanggan yang telah berdaftar dalam pangkalan data Bantuan Sara Hidup (BSH)/Bantuan Prihatin Rakyat (BPR);II. Pelanggan yang bukan dari kategori B40 tetapi pasangannya adalah penerima/mereka yang berdaftar dalam pangkalan data BSH / BPR. <p>Kategori M40 ;</p> <ul style="list-style-type: none">I. Pelanggan yang telah berdaftar dalam pangkalan data Bantuan Prihatin Nasional (BPN). <p>Kelayakan permohonan juga diberikan kepada :</p> <ul style="list-style-type: none">a) Pelanggan dari kedua-dua kategori di atas yang telah menarik diri '(opt-out)' dari Program Moratorium Automatik yang diumumkan pada Mac 2020.

		<p>b) Pelanggan dari kedua-dua kategori di atas yang telah ditawarkan pakej Program Prihatin Bersasar sedia ada.</p>
3	<p>Apakah pra-syarat kelayakan untuk permohonan program ini?</p>	<p>Pra-syarat kelayakan adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Akaun pembiayaan pelanggan yang diluluskan sebelum 1 Oktober 2020; II. Akaun pembiayaan pelanggan tidak tertunggak melebihi dari 90 hari pada tarikh permohonan lengkap diterima; III. Pelanggan bukan seorang bankrap. <p>Nota : Setiap pelanggan hanya layak memohon program ini sekali sahaja sepanjang tempoh program. Sebarang permohonan seterusnya akan dinilai dibawah Program Prihatin Bersasar (PPB) atau program penjadualan / penstrukturan semula pembiayaan.</p>
4	<p>Apakah pakej yang ditawarkan di dalam program ini?</p>	<p>Pakej yang ditawarkan (tertakluk kepada kelayakan dan kelulusan) adalah seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Kategori B40 ; Pelanggan diberikan pilihan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> I. Penangguhan pembayaran balik ansuran bulanan selama tiga (3) bulan; atau II. Pengurangan ansuran bulanan sehingga 50% selama enam (6) bulan. <p>Nota : Pelanggan juga boleh memilih untuk pengurangan ansuran bulanan yang lebih rendah daripada peratusan di atas.</p>

		<p>b. Kategori M40 ;</p> <p>I. <u>Untuk pelanggan yang hilang pekerjaan</u></p> <p>Penangguhan pembayaran balik ansuran bulanan selama tiga (3) bulan; atau</p> <p>II. <u>Untuk pelanggan yang mengalami pengurangan pendapatan sendiri/isi rumah</u></p> <p>Pengurangan ansuran bulanan sepadan dengan peratusan pengurangan pendapatan selama enam (6) bulan.</p>
5	Berapa lamakah tempoh masa yang ada untuk pelanggan memohon?	Permohonan bermula dari 23 November 2020 sehingga 30 Jun 2021.
6	Bolehkah pelanggan di bawah Program Prihatin Bersasar sedia ada memohon untuk program ini?	Ya, tertakluk kepada syarat-syarat yang tertera seperti di atas. (Sila rujuk bil. 2)
7	Bilakah program ini akan bermula sekiranya pelanggan di bawah Program Prihatin Bersasar sedia ada memohon?	<p>Pelanggan di bawah Program Prihatin Bersasar sedia ada yang memohon boleh memilih untuk memulakan program ini seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> • dengan serta merta atau; • selepas Program Prihatin Bersasar sedia ada tamat <p>Nota : Bagi pelanggan yang memilih untuk memulakan program ini dengan serta merta, Program Prihatin Bersasar (PPB) yang sedia ada akan ditamatkan apabila program ini bermula.</p>

8	Apakah jenis pembiayaan individu yang layak untuk memohon program ini?	<p>Jenis pembiayaan individu yang layak adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Pembiayaan Perumahan II. Pembiayaan Perumahan Bersama III. Pembiayaan Peribadi IV. Pembiayaan Kenderaan 						
9	Adakah akaun pembiayaan dibawah program Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (“AKPK”) layak memohon?	<ol style="list-style-type: none"> I. Pelanggan di bawah program AKPK yang mana bayaran bulanan dibuat melalui AKPK perlu merujuk terus kepada agensi tersebut. II. Pelanggan di bawah program AKPK yang mana bayaran bulanan dibuat terus ke Bank Islam boleh dipertimbangkan dibawah Program Bantuan Pembayaran Balik Bersasar Dipertingkatkan Untuk Kategori B40 dan M40. 						
10	Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon?	<p>Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut :</p> <table border="1" data-bbox="690 1087 1414 1829"> <thead> <tr> <th data-bbox="690 1087 873 1129">KATEGORI</th> <th data-bbox="873 1087 1414 1129">DOKUMEN YANG DIPERLUKAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="690 1129 873 1209">B40</td> <td data-bbox="873 1129 1414 1209"> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada. </td> </tr> <tr> <td data-bbox="690 1209 873 1829">M40</td> <td data-bbox="873 1209 1414 1829"> <ul style="list-style-type: none"> • Surat pengisytiharan sendiri: (Kandungan surat perlu menyatakan pelanggan telah hilang pekerjaan/punca pendapatan atau peratusan pengurangan pendapatan pelanggan sendiri dan/atau pendapatan isi rumah akibat pandemik bergantung kepada pakej permohonan yang dipohon.) <p>Nota : Pihak Bank berhak untuk meminta dokumen sokongan selepas kelulusan program ini sebagai pengesahan:</p> </td> </tr> </tbody> </table>	KATEGORI	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	B40	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada. 	M40	<ul style="list-style-type: none"> • Surat pengisytiharan sendiri: (Kandungan surat perlu menyatakan pelanggan telah hilang pekerjaan/punca pendapatan atau peratusan pengurangan pendapatan pelanggan sendiri dan/atau pendapatan isi rumah akibat pandemik bergantung kepada pakej permohonan yang dipohon.) <p>Nota : Pihak Bank berhak untuk meminta dokumen sokongan selepas kelulusan program ini sebagai pengesahan:</p>
KATEGORI	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN							
B40	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada. 							
M40	<ul style="list-style-type: none"> • Surat pengisytiharan sendiri: (Kandungan surat perlu menyatakan pelanggan telah hilang pekerjaan/punca pendapatan atau peratusan pengurangan pendapatan pelanggan sendiri dan/atau pendapatan isi rumah akibat pandemik bergantung kepada pakej permohonan yang dipohon.) <p>Nota : Pihak Bank berhak untuk meminta dokumen sokongan selepas kelulusan program ini sebagai pengesahan:</p>							

		<ul style="list-style-type: none"> • Penyata gaji 2 bulan untuk menunjukkan perbezaan pendapatan (sebelum dan selepas pemotongan gaji); atau • Penyata KWSP terperinci yang terkini; dan/atau • Penyata Bank untuk 3 bulan terkini.
11	Bagaimanakah dengan permohonan kategori M40 yang tidak disertakan dengan surat pengisytiharan sendiri?	Permohonan tersebut akan terbatal sekiranya pihak Bank tidak menerima surat pengisytiharan sendiri dalam tempoh lima (5) hari mengikut kalendar daripada tarikh permohonan.
12	Apakah bentuk bantuan yang ada sekiranya pelanggan TIDAK memenuhi kriteria untuk memohon program ini?	<p>Pelanggan boleh memohon untuk Program Prihatin Bersasar sedia ada atau penjadualan/penstrukturan semula. Sila rujuk kepada soalan lazim di laman sesawang www.bankislam.com</p> <p>Disamping itu juga, pelanggan boleh mendapatkan bantuan daripada Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (“AKPK”) bagi meringankan masalah pembayaran yang dihadapi dengan menjadualkan semula ansuran bulanan dibawah program AKPK.</p> <p>Pelanggan boleh menghubungi AKPK ditalian 03-26167766 untuk maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan.</p>
13	Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan?	<p>Terdapat 2 cara permohonan yang disediakan iaitu ;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Permohonan atas talian dengan mengisi e-Borang Penyelesaian Kewangan Bank Islam di laman sesawang Bank Islam www.bankislam.com; atau

		2. Permohonan melalui cawangan Bank Islam dengan mengisi Borang Permohonan Program Bantuan Pembayaran Balik Bersasar Dipertingkatkan Untuk Kategori B40 dan M40.
14	Berapa lama Bank akan memaklumkan pengesahan penerimaan permohonan kepada pelanggan?	Pihak Bank akan memaklumkan pengesahan penerimaan permohonan kepada pelanggan dalam tempoh satu (1) hari dari tarikh penerimaan permohonan.
15	Bagaimanakah Bank memaklumkan keputusan permohonan kepada pelanggan?	Pihak Bank akan memaklumkan keputusan permohonan melalui surat atau e-mel atau SMS kepada pelanggan.
16	Berapa lamakah tempoh untuk pelanggan mengetahui keputusan permohonan program ini?	Keputusan permohonan akan dimaklumkan dalam tempoh lima (5) hari mengikut kalendar dari tarikh permohonan yang lengkap diterima oleh pihak Bank. Hanya permohonan yang lengkap dan memenuhi kelayakan program sahaja akan diproses untuk kelulusan.
17	Sekiranya diluluskan, bilakah bayaran ansuran akan berkuat kuasa jika pelanggan memilih pakej pengurangan bayaran?	Pelanggan yang memilih pakej pengurangan bayaran perlu membuat pembayaran ansuran baru pada bulan berikutnya. Sila rujuk kepada surat makluman kelulusan untuk butiran lanjut. Nota : Ambil maklum bahawa ansuran sedia ada perlu dijelaskan sehingga tarikh bayaran ansuran baru berkuat kuasa.
18	Berapa lamakah tempoh yang diperlukan untuk akaun dikemaskinikan dengan terma-terma pembayaran yang baru?	Terma-terma pembayaran yang baru akan dikemaskinikan dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh surat makluman kelulusan permohonan Program Bantuan Pembayaran Balik Bersasar Dipertingkatkan Untuk Kategori B40 dan M40.

19	<p>Bagaimanakah dengan status akaun pembiayaan pelanggan di dalam laporan kredit (“CCRIS”) Bank Negara Malaysia (“BNM”) bagi pelanggan yang menyertai program ini?</p>	<p>Akaun pembiayaan pelanggan TIDAK akan diklasifikasikan sebagai akaun penjadualan semula di dalam laporan kredit (“CCRIS”) Bank Negara Malaysia (“BNM”) sekiranya permohonan tersebut diterima sebelum 30 Jun 2021.</p>
20	<p>Bayaran untuk pembiayaan pelanggan ditolak secara automatik daripada gaji pelanggan. Adakah pelanggan layak untuk Program Bantuan Pembayaran Balik Bersasar Dipertingkatkan Untuk Kategori B40 dan M40?</p>	<p>Pelanggan layak untuk memohon Program Pembayaran Balik Bersasar Dipertingkatkan Untuk Kategori B40 dan M40 ini.</p> <p>Walau bagaimanapun, pelanggan hendaklah menghubungi pihak majikan masing-masing untuk mengemaskini arahan pemotongan gaji terkini dan menghubungi pihak Bank sekiranya terdapat lebih pembayaran (jika berkenaan)</p>
21	<p>Bagaimana dengan pelanggan yang membuat Arahan Tetap untuk pembayaran pembiayaannya?</p>	<p>Setelah diluluskan, pihak Bank akan mengemaskini amaun bayaran dan tarikh baru pemotongan Arahan Tetap pelanggan jika Arahan Tetap adalah dari akaun simpanan/akaun semasa di Bank Islam.</p> <p>Jika akaun simpanan/akaun semasa pelanggan di bank lain, pelanggan perlu mengemaskini Arahan Tetap tersebut berdasarkan amaun bayaran terkini dengan bank yang terlibat.</p>
22	<p>Adakah pelanggan perlu meneruskan pembayaran semasa tempoh permohonan program ini?</p>	<p>Ya, pelanggan hendaklah meneruskan pembayaran ansuran bulanan semasa sehingga tarikh berkuat kuasa Program Bantuan Pembayaran Balik Bersasar Dipertingkatkan Untuk Kategori B40 dan M40 seperti yang dinyatakan di dalam surat makluman kelulusan.</p>

23	Apakah impak kepada baki pembiayaan pelanggan di bawah program ini?	<p>Baki pembiayaan untuk akaun di bawah program ini akan menyusut pada kadar yang perlahan dan juga berkemungkinan akan menyebabkan;</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Kenaikan kepada jumlah keseluruhan pembayaran balik sepanjang tempoh pembiayaan dan kenaikan kos pembiayaan keseluruhan dan/atau; II. Bayaran terkumpul pada ansuran terakhir pembiayaan. III. Kadar keuntungan akan terus terakru ke atas mana-mana bayaran balik pembiayaan yang telah ditangguhkan dan pelanggan perlu membayarnya pada masa hadapan. <p>Berikut adalah ilustrasi impak kepada baki pembiayaan pelanggan :</p> <table border="1" data-bbox="691 1018 1416 1236"> <tr> <td>Jumlah Pembiayaan : RM40,000</td> <td>Harga Jualan : RM57,096</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan Efektif : 5.28%</td> <td>Kadar Keuntungan Siling : 15.00%</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Pembiayaan : 60 bulan</td> <td>Ansuran Bulanan : RM759.99</td> </tr> </table> <table border="1" data-bbox="691 1276 1416 1843"> <thead> <tr> <th>TANPA Bantuan Bayaran Balik Pembiayaan</th> <th>DENGAN Bantuan Bayaran Balik Pembiayaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td> <p>Senario :</p> <p>a) Pelanggan memilih auto-moratorium dari April hingga September 2020;</p> <p>b) Pelanggan memohon 3 bulan penangguhan bayaran dari Oktober ke Disember 2020.</p> </td> </tr> </tbody> </table>	Jumlah Pembiayaan : RM40,000	Harga Jualan : RM57,096	Kadar Keuntungan Efektif : 5.28%	Kadar Keuntungan Siling : 15.00%	Tempoh Pembiayaan : 60 bulan	Ansuran Bulanan : RM759.99	TANPA Bantuan Bayaran Balik Pembiayaan	DENGAN Bantuan Bayaran Balik Pembiayaan		<p>Senario :</p> <p>a) Pelanggan memilih auto-moratorium dari April hingga September 2020;</p> <p>b) Pelanggan memohon 3 bulan penangguhan bayaran dari Oktober ke Disember 2020.</p>
Jumlah Pembiayaan : RM40,000	Harga Jualan : RM57,096											
Kadar Keuntungan Efektif : 5.28%	Kadar Keuntungan Siling : 15.00%											
Tempoh Pembiayaan : 60 bulan	Ansuran Bulanan : RM759.99											
TANPA Bantuan Bayaran Balik Pembiayaan	DENGAN Bantuan Bayaran Balik Pembiayaan											
	<p>Senario :</p> <p>a) Pelanggan memilih auto-moratorium dari April hingga September 2020;</p> <p>b) Pelanggan memohon 3 bulan penangguhan bayaran dari Oktober ke Disember 2020.</p>											

		<p>Andaian:</p> <p>a) Tiada perubahan Kadar Asas (KA) / Kadar Pembiayaan Asas (KPA) sehingga tamat tempoh pembiayaan.</p> <p>b) Pelanggan membuat bayaran secara tetap sehingga akhir tempoh pembiayaan dan akaun tiada tunggakan dan sentiasa kemaskini. sepanjang tempoh tersebut.</p> <p>c) Tiada bayaran sekaligus yang mengurangkan baki pokok pembiayaan.</p>	<p>Andaian:</p> <p>a) Tiada perubahan Kadar Asas (KA) / Kadar Pembiayaan Asas (KPA) sehingga tamat tempoh pembiayaan.</p> <p>b) Pelanggan membuat bayaran secara tetap sehingga akhir tempoh pembiayaan dan akaun tiada tunggakan sepanjang tempoh tersebut.</p> <p>c) Tiada bayaran sekaligus yang mengurangkan baki pokok pembiayaan.</p>
		<p>o Jumlah bayaran yang dibuat sehingga akhir tempoh pembiayaan sehingga RM45,599.49.</p>	<p>o Jumlah bayaran yang dibuat sehingga akhir tempoh pembiayaan sehingga RM47,689.54;</p> <p>o Lanjutan tempoh pembiayaan : 9 bulan;</p> <p>o Tambahan kos pembiayaan: RM2,090.05;</p> <p>o Bayaran terkumpul pada ansuran terakhir pembiayaan: RM2,850.13.</p>
24	Adakah tempoh matang akaun pembiayaan pelanggan akan dilanjutkan?	Sebarang lanjutan kepada tempoh matang akaun pembiayaan pelanggan adalah tertakluk kepada aturcara bayaran yang ditetapkan seperti di dalam surat makluman Program Bantuan Pembayaran Balik Bersasar Dipertingkatkan Untuk Kategori B40 dan M40.	

25	Apakah yang perlu pelanggan lakukan sekiranya kedudukan kewangan mereka bertambah baik semasa tempoh program ini?	Pelanggan disarankan untuk berhubung dengan pihak Bank sekiranya aliran kewangan mereka bertambah baik bagi menyusun semula terma pembayaran sedia ada termasuk kembali kepada ansuran asal pembiayaan.
26	Bolehkah pelanggan membuat permohonan semula sekiranya permohonan terdahulu terbatal?	Ya. Pelanggan boleh menghantar semula permohonan beserta dokumen yang diperlukan mengikut kategori seperti yang dipohon (sila rujuk bil. 10) dan hadir ke mana-mana cawangan Bank Islam.
27	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pelanggan masih lagi menghadapi kekangan kewangan selepas program ini tamat?	Pelanggan diminta menghubungi pihak Bank untuk perbincangan lanjut berkenaan dengan bantuan penyelesaian kewangan. Sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 03-2690 0900.

-TAMAT-